

Dr. Mahathir kesal pihak

UM 17.11.1999

PUTRAJAYA 12 Nov. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kesal dengan perbuatan tidak bertanggungjawab pihak tertentu yang menyelewengkan wang peruntukan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Beliau berkata, walaupun kerajaan telah berusaha memastikan pe-

nyaluran wang kerajaan diuruskan dengan sebaik mungkin tetapi masih ada pihak yang cuba menyalahgunakannya untuk kepentingan mereka

“Kita buat nak bagi betul tetapi orang yang tak betul. Macammana kita buat pun, dia cari lubang (peluang) sana lubang sini, nak menyeleweng,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas majlis perjumpaan dan dialog dengan guru takmir masjid peringkat kebangsaan di sini hari ini.

Yerdana Menteri diminta mengulas laporan akhbar mengenai dakwaan penyelewengkan wang PPRT sebanyak RM40 juta pada tahun 1999.

selewengkan wang PPRT

Laporan tersebut menyebut wang itu digunakan untuk kempen pilihan raya 1999 di beberapa bahagian di Kelantan.

Pihak yang terlibat dalam kes itu dipercayai berpakat dengan pihak tertentu di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan beberapa pihak lain untuk mendapatkan wang program itu.

Mereka dikatakan mengemukakan senarai nama individu di Kelantan untuk mendapatkan bantuan PPRT, walaupun tidak layak menerimanya.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak mengetahui mengenai perkara itu dan tidak menolak kemungkinan ia hanya satu dakwaan palsu.

Katanya, ini kerana ada pihak yang sengaja membuat dakwaan liar seperti itu tetapi kemudian gagal mengemukakan bukti apabila diminta.

“Saya tak tahu. Kena tunggu dulu. Laporan macam itu kena ditentukann sahah atau tidak,” tegasnya.